

Kenderaan ketenteraan inovasi bakat muda IKBN, IKM

BERNAMA



KENDERAAN Armed Tactical Ground Vehicle keluaran Cendana ketika pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Perkhidmatan Keselamatan Kebangsaan Asia (NATSEC Asia) di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC).

FOTO Asyraf Hamzah

Kuala Lumpur: Jika dilihat pada luaran dan dalaman kenderaan ketenteraan milik Cendana Auto Sdn Bhd (Cendana Auto) yang gagah dan berkualiti, pasti ramai menyangka ia buatan antarabangsa.

Namun, kesemua empat varian kenderaan dipamerkan syarikat itu pada Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Perkhidmatan Keselamatan Kebangsaan (NASTEC) Asia 2022, di sini, adalah ciptaan dan hasil tangan sepenuhnya rakyat Malaysia.

Lebih membanggakan, kenderaan ketenteraan itu menggunakan kepakaran bakat muda lulusan pusat kemahiran tempatan seperti Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Institut Kemahiran MARA (IKM).

Pengarah Cendana Auto Abdul Rauf Nassiruddin berkata langkah ini bagi membuktikan bahawa ciptaan anak muda tempatan setanding dengan produk antarabangsa yang lain.

"Bermula dari mereka bentuk, pembuatan dan pemasangan, semuanya dilakukan di kilang kami di Semenyih, Selangor. Ia 100 peratus buatan tempatan.

"Di samping itu, kita memberi peluang kepada anak muda untuk melakukan inovasi sekali gus mampu membuktikan graduan IKBN dan IKM ini berkemampuan tinggi menghasilkan produk yang terbaik sebaris syarikat negara luar," katanya kepada Bernama ketika ditemui di DSA dan NASTEC.

Abdul Rauf berkata empat varian kenderaan tentera dibina syarikatnya itu ialah jenis *Fitted For Radio* (FFR), *Armed Tactical Ground Vehicle* atau Kenderaan Pembawa Senjata (ARTAC), *Ground Tactical Mortar Transporter* atau Kenderaan Pembawa Mortar (MT-8150) dan *Special Operation Vehicle* atau Kenderaan Operasi Khas (SF-21X).

"Kesemua kenderaan ini telah menerima tempahan dari Tentera Darat Malaysia (TD), bagi varian FFR sebanyak 70 unit dengan 40 unit bagi kegunaan semboyan dan 30 lagi untuk kegunaan anggota tentera kita yang berkhidmat dalam misi pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Lubnan.

"Selain itu, bagi varian Kenderaan Pembawa Mortar MT-8150 sebanyak 48 unit akan dibekalkan, dari jumlah itu, 24 telah diserahkan kepada TD, manakala selebihnya masih dalam proses pembinaan," katanya.

Beliau berkata kenderaan MT-8150 ini mampu membawa 70 butir peluru mortar jenis 81mm dan enam anggota bagi menjayakan sesbuah misi.

Abdul Rauf berkata ARTAC mampu membawa beberapa jenis senjata termasuk *Automatic Grenade Launcher* (AGL), *Heavy Machine Gun* 12.7mm serta *Anti-Tank Guided Missile* (ATGM) daripada jenis 'Metis-M'.

"Sebanyak 49 unit akan dihantar secara berperingkat kepada TD selepas ia melalui pelbagai proses ujian kemampuan bagi memastikan setiap yang dibina mengikut spesifikasi ditetapkan," katanya.

Sementara kenderaan SF-21X katanya, dibina khas adalah untuk kegunaan anggota Grup Gerak Khas (GGK) bagi melaksanakan operasi.

"Kenderaan SF-21X ini dilengkapi pelindung letupan di bahagian enjin dan tangki minyak, pelancar Bom Tangan Automatik, dan mesingan tempur. Selain itu SF-21X ini boleh membawa enam anggota dan mampu menangkis letupan periuk api," katanya.

Disiarkan pada: Mac 31, 2022 @ 2:56pm